

05 APRIL 2018

Bilal disyaki edar heroin diberkas

Ms.67

→ **JENAYAH****Bilal disyaki edar heroin diberkas**

Pendang: Seorang bilal masjid disyaki mengedar dadah, ditahan dalam operasi Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di sekitar daerah ini yang diadakan dari kelmarin hingga awal pagi semalam.

Dalam serbuan AADK Daerah Pendang, suspek berusia 38 tahun itu diberkas bersama lima penagih dadah di sebuah rumah dipercayai sarang aktiviti berkenaan di Taman Sejahtera, di sini.

Ketua Pegawai AADK Daerah Pendang, Ahmad Zaher Hamid, berkata bilal itu ditahan bersama dadah dipercayai jenis heroin seberat 2.75 gram.

Tindakan lanjut

Katanya, suspek diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut, manakala lima penagih terbabit ditahan mengikut Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983.

Beliau berkata, dalam operasi sama, pihaknya turut menahan 16 lelaki disyaki penagih dadah dalam serbuan di Taman Sejahtera, Kubur Panjang, Keda Tanjung Setol, Kampung Kubang Pisang, Kampung Pulau Machang dan Mukim Air Putih.

"Semua ditahan berusia antara 18 tahun dan 43 tahun itu dibawa ke Pejabat AADK Daerah Pendang untuk tindakan lanjut.

"Hasil ujian saringan air kencing mendapati semuanya positif dadah jenis opiat dan methamphetamine," katanya.

+